

MEMO

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI (HEP)

KEPADA : PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR
DARIPADA : UNIT BANTUAN KEWANGAN (UBK)
TARIKH : 11 MEI 2020
PERKARA : SEMAKAN NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN PEMBAYARAN
BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Seperti dimaklumi, UNISEL telah membuat proses pembayaran Fasa 1 BPN secara *One Off* berjumlah RM200.00 mulai 7 Mei 2020 melalui akaun bank saudara-saudari (yang telah saudara/saudari kemaskini melalui eStudent sebelum ini).

Walaupun bagaimanapun, terdapat sebilangan pelajar yang masih belum menerima pembayaran tersebut, antaranya kerana nombor akaun bank tidak tepat dan tiada nombor akaun bank.

Justeru, kepada para pelajar UNISEL yang tersenarai di lampiran yang disertakan (sila rujuk LAMPIRAN: SENARAI NAMA PELAJAR UNISEL), sila semak **NOMBOR AKAUN BANK** anda di <http://estudent.unisel.edu.my> (pada bahagian **Profile** pelajar).

Sekiranya nombor akaun bank anda tidak tepat, mohon e-mel maklumat berikut dalam kadar segera kepada pentadbiran_hep@unisel.edu.my sebelum 14 Mei 2020:

1. No. Pelajar
2. Nama penuh pelajar
3. Nama pemegang akaun bank
4. Nama bank
5. Nombor akaun bank (yang betul)
6. Penyata bank (muka depan)

Perhatian dan kerjasama anda amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian

Yang benar,



PROF. MADYA DR. HAMDAN BIN DATO' HAJI MOHD SALLEH

Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor
Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti
Universiti Selangor

s.k. : Presiden & Naib Canselor UNISEL
: Pendaftar UNISEL